

# Harap tiada lagi jemaah terkandas di KLIA

HARIAN

METRO 7/6/2023

M/S:9

**Makkah:** Lembaga Tabung Haji (TH) berharap tiada lagi umat Islam di Malaysia terkandas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) akibat terpedaya dengan pakej haji furada menjelang hari wukuf, kemuncak kepada ibadat haji yang dijangka 27 Jun ini.

Ketua Rombongan Haji Malaysia Datuk Seri Syed Saleh Syed Abdul Rahman mengingatkan umat Islam supaya le-

bih teliti dan berhati-hati dengan pakej ditawarkan agensi pelancongan yang tidak dilesenkan TH agar tidak tertipu setelah membuat bayaran.

"Setiap tahun ada sahaja laporan berkaitan bakal haji terkandas di KLIA disebabkan tiada tiket penerbangan dan visa untuk menunaikan haji.

"Seperti kita sedia maklum, tahun lepas jemaah yang terkandas membayar RM40,000

hingga RM80,000, bagi tahun ini sudah tentu harga pastinya semakin naik kerana kos semakin tinggi," katanya dalam sidang media perkembangan operasi haji, di sini.

Menurutnya, permohonan visa haji selain kuota rasmi Malaysia adalah hak mutlak kerajaan Arab Saudi.

Malaysia menerima kuota haji berjumlah 31,600 jemaah daripada Kerajaan Arab Saudi

bagi musim ini.

Justeru, Syed Saleh mensiasatkan bakal haji yang mendapat visa berkenaan untuk menggunakan perkhidmatan pakej haji disediakan Pengelola Jemaah Haji (PJH) dilesenkan TH sahaja.

Beliau berkata, TH telah melantik 22 syarikat pelancongan untuk beroperasi sebagai PJH berlesen bagi menguruskan permohonan haji ke Tanah Suci.

## Psikologi jemaah haji sentiasa diberi keutamaan

SINAR HARIAN 7/6/2023 M/S:10

**MAKKAH** - Masalah gangguan fikiran seperti depresi dan Gangguan Obsesif Kompulsif (OCD) antara masalah yang diadukan jemaah haji pada tahun ini kepada Unit Perkhidmatan Kaunseling Tabung Haji (TH).

Walaupun peratusan kes itu amat kecil, ia tidak dipandang ringan kerana unit berkenaan amat menitikberatkan psikologi jemaah haji bagi membolehkan mereka fokus menjalankan ibadah.

Pengurus Kaunseling, Mohamad Hanif Napi berkata, terdapat beberapa faktor yang mendorong berlakunya gangguan minda jemaah antaranya berjauhan dengan keluarga dan tidak bersedia untuk ke Tanah Suci.

Oleh itu katanya, Unit Perkhidmatan Kaunseling berperanan sebagai pasukan yang menyokong kesejahteraan psiko-



Mohamad Hanif (empat dari kiri) melakukan lawatan ke bilik penginapan bagi mengetahui keadaan psikologi jemaah.

logi dan juga kesihatan mental jemaah haji dan petugas.

"Kami lakukan pencegahan awal untuk menguruskan kesejahteraan psikologi dan kesihatan mental dalam kalangan jemaah haji melalui beberapa kaedah yang telah disusun.

"Kita lakukan lawatan silaturahim bilik ke bilik yang mana melalui aktiviti itu kami dapat kesan beberapa isu, konflik yang boleh kita bantu dari awal lagi," katanya pada sidang media di Hotel Abraj Al Janadriyah, di sini.

Kata Mohamad Hanif, pihak-

nya turut melakukan penambahbaikan terbaru pada tahun ini dengan mengetengahkan info berkaitan kesejahteraan psikologi dan kesihatan mental dalam aplikasi THhujjah.

"Di situ kita telah paparkan beberapa info atau infografik berkaitan psikologi dan kesihatan mental seperti kaedah mengawal kemarahan, mengekalkan perhubungan positif antara rakan sebilik, keluarga dan pengurusan kewangan berhemah," katanya.

Mohamad Hanif berkata, pihaknya turut menyediakan sudut ekspresi diri di unit berkenaan yang membolehkan jemaah menghilangkan stres masing-masing melalui beberapa kaedah terapi ringkas.

Selain ditunjangi lapan anggota untuk memberikan khidmat kepada jemaah, unit kaunseling turut menyediakan talian Peka

untuk membantu jemaah.

"Untuk Masyair nanti, kita akan ada Program Prihatin Tetamu Ar-Rahman atau peneman iaitu program membantu jemaah haji yang memerlukan bantuan.

"Sebelum ini dikenali sebagai program jemaah haji warga emas, namun bermula tahun lepas kita jenamakan semula dan kategori itu ialah mereka berumur 70 tahun ke atas, tiada pengiring dan kalau berkaitan kesihatan, mereka ini bukan sakit terlantar atau kronik."

"Mereka ini yang perlu diberi bimbingan, mungkin ada kekurangan dari segi ingatan untuk beribadah jadi kita kena ingatkan mereka dari segi urus diri, kalau kita tengok pengalaman sebelum-sebelum ini, ada yang kita kena uruskan mandi.. nak bawa ke bilik air, jadi mereka ini istimewa," katanya.